

BAHAGIAN PELESENAN

SYARAT-SYARAT AM BAGI KELULUSAN LESEN BAGI PENJAJA MAKANAN

Bil	PERKARA
1.	Tuan/Puan dimestikan mempamer tanda harga barang yang diniagakan seperti disyaratkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan.
2.	Pemegang lesen tidak boleh menjalankan perniagaanya dalam lingkungan 9 meter dari persimpangan jalan dan dalam 3.6 meter dari pili bomba.
3.	Pemegang lesen tidak boleh menjalankan perniagaanya di atas tangga, kaki lima atau di laluan jalan kaki awam melainkan dibenarkan secara bertulis oleh Pihak Berkuasa Melesen.
4.	Lesen tidak boleh dipindahmilik atau di serahhak tanpa kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Melesen.
5.	Pemegang lesen hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan teratur.
6.	Pemegang lesen hendaklah sentiasa memakai apron dan topi semasa mengendalikan makanan.
7.	Lesen yang dikeluarkan boleh dibatalkan tanpa sebarang notis dan alasan.
8.	Lesen ini dikeluarkan hanya bagi tempoh sementara sahaja.
9.	Mempamerkan papan tanda larangan merokok dan menjaga kebersihan yang sempurna dan mencukupi.
10.	Tidak dibenarkan aktiviti lain dijalankan di premis makanan tanpa kebenaran MDKS (Majlis Daerah Kuala Selangor)
11.	Segala makanan atau minuman yang siap dimasak dan sedia dimakan atau diminum yang dibungkus untuk dijual hendaklah menggunakan bahan atau bekas pembungkusan makanan atau minuman (food packaging or wrapping containers or material) yang bersih dan tidak pernah digunakan serta bersesuaian dengan alam Sekitar (environmental friendly) dan kesihatan (conducive to health) disamping itu senang dilupuskan seperti bahan organik (bio-degradable), kotak, kertas berlapis, kayu, buloh atau bahan-bahan yang boleh diguna semula (recycle) seperti tin, aluminium, botol dan sebagainya.
12	Perlu menjalani kursus pengendali makanan
13	Tidak membuat struktur bangunan kekal untuk berniaga